

18 JANUARI 2018

## Pantau dadah zombie

Rosliza Mohamed  
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

**P**olis Kelantan sedang memantau rapi kemungkinan wujud dadah jenis *zombie* atau Flakka di negeri itu seperti didakwa, menerusi laman sosial, beberapa minggu lalu.

Ketua Polis negeri Datuk Hasanuddin Hassan berkata, penguatan kuasa lebih serius akan dijalankan bagi mengekang penyalahgunaan dadah berkenaan yang dipercayai boleh memberi kesan lebih berbahaya kepada manusia.

"Setakat ini, kita percaya tiada dadah ini di Kelantan dan tangkapan dilakukan juga tidak berkait dengan dadah jenis itu."

"Cuma kita ada mendengar desas-desus dadah jenis berkenaan, tiga minggu lalu yang tular di laman sosial. Jadi, pemantauan akan dibuat dengan segera bagi mengelak bahaya kepada rakyat."

"Kita berharap mendapat kerjasama masyarakat di kawasan masing-masing untuk menyalurkan seba-

## Pantau dadah zombie

■ *Polis ambil serius kemungkinan Flakka sudah masuk ke Kelantan*



HASANUDDIN bersalam dengan ahli Skuad Muda JPJ pada Majlis Penyerahan Watikah Perkantikan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Daerah Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, semalam.

rang maklumat berkaitan dadah itu sekiranya ada," katanya pada Majlis Makan Malam dan Watikah Pelantikan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Daerah, Yaya-

san Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Kelantan serta Skuad Muda Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Kelantan di sini, kelmarin.

Seramai 600 ketua dan

ahli MCPF Kelantan dan Skuad Muda JPJ hadir pada majlis itu.

Hadir sama Pengerusi Skuad Muda Malaysia Datuk Seri Ismail Ahmad; Pengarah

**FAKTA**  
Flakka mempunyai kesan sampingan hampir mirip kokain dan amfetamin tetapi lebih agresif serta boleh membawa maut

JPJ Kelantan Mahasan Mustapa dan Pengerusi MCPF Daerah Kota Bharu Datuk Seri Jae Affandi Hussin.

Media sebelum ini dipetik melaporkan Flakka sebagai dadah baru yang pada awalnya dihasilkan sebagai ubat sintetik pada 2012 namun dilarang penggunaannya selepas doktor menemui kesan berbahaya.

Dadah itu dikatakan boleh menyebabkan pengguna berada dalam fasa illusri akut yang akhirnya dikategorikan sebagai dadah paling berbahaya.

Flakka juga mempunyai kesan sampingan hampir mirip kokain dan amfetamin, tetapi lebih agresif serta boleh membawa maut.

Dalam perkembangan lain, Hasanuddin mengingatkan rakyat supaya tidak membocorkan rahsia kerajaan yang boleh menggugat keselamatan negara amnya dan Kelantan khususnya.